

29/01/2001

Pemuda yakin muka baru diberi peluang

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno yakin Perdana Menteri akan memberi peluang kepada muka baru daripada pergerakan itu untuk menjawat jawatan dalam kerajaan apabila membuat rombakan Kabinet pada masa depan.

Ketua Pemudaanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pelantikan yang dibuat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Januari lalu adalah lantikan untuk mengisi kekosongan di beberapa kementerian.

"Pemuda Umno yakin peluang untuk muka baru mengisi kekosongan dalam pentadbiran kerajaan tetap ada dan berharap Perdana Menteri akan mengisi beberapa lagi kekosongan, termasuk di Kementerian Belia dan Sukan," katanya ketika mengulas mengenai pelantikan beberapa Ahli Dewan Negara menganggotai kerajaan.

Antara muka baru yang dilantik ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Turut dilantik Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Timbalan Menteri di JPM; Senator Datuk M Kayveas (Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Senator Datuk Zainuddin Maidin (Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan).

Pelantikan itu turut menyaksikan kenaikan pangkat Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Shahrizat Abdul Jalil daripada Timbalan Menteri di JPM kepada Menteri Hal Ehwal Wanita.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Perdana Menteri akan memberi peluang kepada muka baru untuk mengisi jawatan untuk mewujudkan barisan pemimpin pelapis.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadbir, pula berkata pelantikan bukan Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat untuk mengisi jawatan dalam kerajaan adalah dibenarkan oleh Perlembagaan.

"Walaupun mereka (Senator) orang baru dalam kerajaan, tetapi mempunyai pengalaman serta mewakili kumpulan masing-masing," katanya.

Beliau berkata, pelantikan Abdul Hamid daripada kumpulan agama manakala Kayveas pula pemimpin Parti Progresif Rakyat (PPP) iaitu komponen Barisan Nasional.

Tengku Adnan pula adalah Setiausaha Kerja Umno dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan manakala Zainuddin adalah tokoh wartawan.

(END)